

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Ko-Kurikulum
Sent: Tuesday, May 22, 2018 3:00 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bubur Lambuk UUM untuk Anggota ATM di Pos Kawalan Sempadan



Pusat Kokurikulum

CO-CURRICULUM CENTRE

Universiti Utara Malaysia

22 MEI 2018 / 06 RAMADHAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

Bubur lambuk UUM untuk Anggota ATM di Pos Kawalan Sempadan



Sempena bulan Ramadhan tahun ini, Pusat kokurikulum telah sepakat mengadakan gotong royong menyediakan bubur lambuk di Pusat Islam baru-baru ini. Semua staf Pusat Kokurikulum telah hadir menjayakan program tersebut yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Aktiviti Pusat Kokurikulum, Dr. Azlizan Talib.

Bersempena dengan penyediaan bubur lambuk tersebut, Pusat Kokurikulum juga telah mengambil inisiatif untuk berkongsi juadah tersebut dengan anggota keselamatan yang sedang bertugas di Sempadan Malaysia – Thailand, Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Ketua Markas Taktikal Kompeni Bravo Pos 5 Kawalan Sempadan, Mejar Adli Aminuddin Bin Abu Othman dan anggota ATM yang lain telah menyambut kedatangan kami.

Majlis penyerahan bubur lambuk dan makanan yang lain telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik Pusat Kokurikulum, Dr Mohd Noor Abdul Hamid kepada Mejar Adli Aminuddin.

Mejar Adli Aminuddin berkata beliau dan anggotanya merasa terharu di atas sumbangan bubur lambuk di dalam bulan Ramadhan dan lebih-lebih lagi sebagai juadah untuk berbuka puasa pada hari ini. Beliau turut gembira kerana ini kali pertama beliau dan anggotanya menerima sumbangan bubur lambuk dari Universiti sepanjang beliau bertugas dalam ATM.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Pusat Kokurikulum Universiti Utara Malaysia atas sumbangan bubur lambuk kepada beliau dan anggotanya yang sedang bertugas di Pos Kawalan Sempadan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.